



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (8)

SIARAN MEDIA

BALAI SENI NEGARA ANJUR “INTUITIVE EMBROIDERY WORKSHOP” BERSAMA ARTIS DAISY OOI

9 OGOS 2025 – Balai Seni Negara hari ini mengadakan “*Intuitive Embroidery Workshop*” bersama Daisy Ooi sempena *Pameran Hanya Satu ‘Single’ Through the Veils of Threefold*, yang dipamerkan bermula **15 Mei hingga 15 Ogos 2025** di Balai Seni Negara.

Daisy Ooi, artis kelahiran Pahang dan dibesarkan di Pulau Pinang, memiliki latar belakang dalam bidang reka bentuk dalaman. Karya-karya beliau meneroka ekspresi seni abstrak yang berkait rapat dengan spiritualiti, falsafah, dan psikologi, mencerminkan keterikatan antara dimensi rohani, emosi dan pengalaman hidup. Setiap hasil karyanya menggalakkan refleksi diri, penguatan emosi, serta menyokong proses penyembuhan melalui seni, berteraskan nilai sokongan, kasih sayang dan kesedaran dalaman.

Karya instalasi *Through the Veils of Threefold* mengetengahkan eksplorasi terhadap keseimbangan antara tiga teras kehidupan manusia iaitu pemikiran, perasaan dan tindakan yang diinspirasikan daripada pendekatan *anthroposophy* oleh pemikir Rudolf Steiner. Steiner menekankan keperluan ketiga-tiga aspek ini berkembang secara harmoni dalam diri individu dan masyarakat. Secara visual, karya ini diterjemah melalui gabungan lapisan warna lutsinar, jaring (*mesh*) dan tekstur berbeza, disertai teknik jahitan bersifat intuitif. Setiap elemen melambangkan pemikiran rasional, perasaan intuitif, dan tindakan yang lahir daripada niat, membentuk ruang pengalaman yang merangsang refleksi dalaman terhadap keseimbangan diri.

Sebagai pengisian pameran, “*Intuitive Embroidery Workshop*” menampilkan pengalaman seni yang menggabungkan kreativiti dengan ketenangan minda. Bertemakan “*Back to Self*”, bengkel ini memberi peluang kepada peserta untuk memberi tumpuan kepada diri, menenangkan fikiran, dan mengekspresikan emosi secara bebas. Melalui pendekatan

berasaskan gerak hati dan aliran semula jadi tangan, setiap peserta menghasilkan karya sulaman yang mencerminkan keaslian dan naluri peribadi. Sepanjang bengkel, peserta turut diperkenalkan dengan teknik asas jahitan sebagai pelengkap kepada keseluruhan pengalaman berkarya.

Balai Seni Negara merakamkan penghargaan kepada semua peserta yang menyertai bengkel ini, di mana penyertaan tersebut bukan sahaja memeriahkan suasana, malah turut mewujudkan ruang positif untuk perkongsian idea, pengalaman dan inspirasi. Setiap hasil karya membawa sentuhan peribadi yang unik, menjadikan bengkel ini sebuah pengalaman seni yang bermakna dan berkesan.

Penganjuran bengkel ini menyerlahkan komitmen Balai Seni Negara dalam memperkaya pengalaman seni, memupuk perkongsian ilmu dan menggalakkan penglibatan masyarakat. Sokongan berterusan daripada orang ramai amat dihargai untuk memacu perkembangan seni tempatan. Pameran *Hanya Satu ‘Single’ Through the Veils of Threefold* oleh Daisy Ooi dibuka kepada pengunjung sehingga **15 Ogos 2025**. Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my